



PESERTA bergambar bersama juri dan pengetua kolej Sri Angkasa.

# KKE johan Pertandingan Tarian Rampaian Melayu Inter-Kolej

UB 7.12.2018

KOTAKINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui Bahagian Kebudayaan & Kesenian menganjurkan Pertandingan Kesenian Inter-Kolej Siri 2 bagi sesi 2018/2019 iaitu Kategori Tarian Rampaian Melayu yang diadakan pada 19 November bertempat di Anjung Siswa, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS.

Pertandingan ini melibatkan 5 kumpulan kolej kediaman yang bertanding iaitu Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTm), Kolej Kediaman Tun Fuad (KKTf), Kolej Kediaman Excellent (KKE), Kolej Kediaman Usia 1 borneo

83

(KKU1B) dan Kolej Kediaman Sri Angkasa (KKSA).

Program ini bertujuan mencungkil bakat-bakat di kalangan siswa/siswi UMS untuk diketengahkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Seramai lebih 100 orang siswa/ siswi hadir memeriahkan program pertandingan pada malam berkenaan.

KKE muncul johan kategori tarian rampaian melayu, naib johan dimenangi KKTm, tempat ketiga dimenangi oleh KKTf, manakala tempat keempat dan kelima masing-masing daripada KKU1B

dan KKSA. Para pemenang menerima sebuah trofi, sijil dan juga hamper.

Juri jemputan adalah Puan Sri Ningsih Sukirman, Pensyarah Tari FKS, Cik Khamellia, Freelance Dancer Dan Ab Murat Bin Md Rais, Freelance Koreografer dan hakim.

Turut hadir dalam program itu adalah Pengetua KKSA Wijaya, Alan James, Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, JHEP, Timbalan-Timbalan Pengetua kolej kediaman, felo-felo kolej kediaman, pegawai dan staf JHEP dan juga Jakmas kolej kediaman.